

## **BAHASA PUNAN BAH [BA’]: SATU RINTISAN AWALAN** *Punan Bah [Ba’] Language: A Preliminary Study*

<sup>1</sup>SAIDATUL NORNIS HJ. MAHALI

<sup>2</sup>REMMY AK GEDAT

<sup>3</sup>CHONG SHIN

<sup>1</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>2</sup>*Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak*

<sup>3</sup>*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor*  
*saidatul@ums.edu.my, remmy@unimas.edu.my, Shin@ukm.my*

*Diterima: 9 Ogos 2017 / Dibaiki: 30 November 2017*

**Abstrak** Jumlah penutur bahasa yang ramai di Sarawak memperlihatkan betapa rencamnya bahasa dan dialek di negeri berkenaan. Salah satu bahasa yang dituturkan ialah bahasa Punan Bah. Seperkara yang menarik, tidak ramai dalam kalangan kita yang benar-benar mengenali kelompok penutur bahasa ini. Malah, terdapat juga kekeliruan antara istilah Penan dan Punan. Ramai yang tidak mengetahui bahawa Penan dan Punan adalah dua kelompok komuniti berbeza dan menuturkan bahasa yang berbeza juga. Penan hidup secara nomadic, sedangkan Punan Bah sudah beratus tahun mendiami rumah panjang dan mempunyai budaya yang jauh berbeza. Berdasarkan kerja lapangan di sebuah kampung Punan di Bintulu, Sarawak, makalah ini diusahakan dengan menggunakan pendekatan struktural untuk melihat leksikal dan inventori fonem bahasa Punan Bah yang belum diketahui oleh ramai penutur bahasa di Malaysia. Penelitian awal ini, mendapati terdapat 16 fonem konsonan dan 5 fonem vokal dalam bahasa ini. Oleh itu, perkongsian maklumat ini diharap mampu memberi satu gambaran jelas terhadap komuniti Punan serta memperkenalkan bahasa Punan Bah yang dituturkan oleh kelompok minoriti ini di Bintulu, Sarawak.

**Kata kunci:** Punan Bah, bahasa Punan, Bintulu, Sarawak.

*Abstract* The large number of speakers in Sarawak demonstrates the variety of languages and dialects being spoken in the state. One of these languages is the Punan Bah. Interestingly, many among us do not know about this

*group of speakers. In fact, there is also confusion between the terms Penan and Punan. Many do not know that Penan and Punan are two different community groups speaking different languages. The Penan people are nomadic while the Punan Bah have lived in long houses for centuries and practise a much different culture. Based on field work in a Punan village in Bintulu, Sarawak, this paper employs a structural approach to view the lexical and phonemic inventories of the Punan Bah language which is not yet known by many speakers in Malaysia. This initial study, found 16 consonant phonemes and five vocal phonemes in the Punan Bah language. Therefore, it is hoped that this information could provide a clear picture of the Punan community and introduce the Punan Bah language spoken by this minority group in Bintulu, Sarawak.*

**Keywords:** *Punan Bah, Punan language, Bintulu, Sarawak.*

## PENGENALAN

Kelompok manusia dibezakan melalui perbezaan bahasa yang diindikasikan sebagai satu suku atau etnik yang berbeza dan memiliki budaya sendiri. Etnik-etnik ini kemudian tersebar dan mendiami setiap daratan di bumi. Persebaran etnik-etnik di muka bumi memunculkan dua fenomena budaya, khususnya kebahasaan. Pertama, etnik yang tetap mendiami wilayahnya sejak lahir secara turun-temurun akan mendakwa dirinya sebagai etnik asal dengan tuturan bahasa yang masih asli. Kedua, etnik yang berhijrah dan menetap di tempat lain juga mengakui dirinya sebagai etnik asal dengan tuturan bahasa yang sudah bercampur dengan etnik asal yang menghuni tempat tersebut. Percampuran dialek antara etnik pendatang dengan etnik asal sesuatu tempat menciptakan budaya dan dialek baharu. Dialek tersebut merupakan salah satu unsur linguistik yang menyebar dan menjadi penghubung dengan bahasa induknya (Rahim Aman, 2006, p. 2).

## PERMASALAHAN DAN TUJUAN

Kewujudan variasi dalam bahasa Punan bukanlah suatu perkara yang asing kerana mereka mendiami kawasan-kawasan berbeza. Justeru, makalah ini akan membincangkan bahasa Punan Bah [Ba']. Orang Punan Bah [Ba'] juga dikenali sama ada sebagai orang Mikuang Bungulan atau orang Aveang Buan (Nicolaisen, 1976). Mereka juga sering kali disamakan atau dikaitkan dengan orang Penan serta dikelompokkan bersama suku Dayak Kajang dan Orang Ulu. Orang-orang Punan Bah [Ba'] menggunakan bahasa Punan Bah-Biau, yakni salah satu bahasa daripada kelompok bahasa Rejang-Sajau. Bahasa itu dekat dengan bahasa Sekapan dan Kejaman.

ISO639: PNA

Population 450 (Wurm and Hattori 1981)

Region Sarawak: Kapit division, Merit and Rejang ribers areas

Language maps Brunei and Malaysia-Sarawak

Language status 6b (threatened)

Alternate names Bah-Biau, Punan

Classification Austronesian, Malayo-Polynesia, North Borneo, Rejang-Sajau

Dialects Punan Bah (Punan Ba), Punan Biau

[Sumber: [www.ethnologue.com](http://www.ethnologue.com)]

Demikian pengkatalogan bahasa yang dibuat oleh pihak Ethnologue. Ethnologue mengkategorikan bahasa Punan Bah dalam kategori 6b (terancam). Bermaksud, perlu ada usaha untuk mendokumen dan memulihara bahasa Punan Bah (Ba') daripada terus terancam dan hilang bersama edaran masa. Ancaman terhadap kepunahan bahasa Punan Bah (Ba') terjadi kerana kurangnya kajian yang dilakukan terhadap bahasa komuniti ini. Selain itu, proses pendidikan dan pemodenan turut menjadi ancaman kepada bahasa tersebut.

Memandangkan wujud kekangan bahan dan kajian berkait dengan bahasa orang-orang Punan maka, makalah ini bermaksud untuk berkongsi sedikit sebanyak maklumat tentang bahasa Punan kepada khalayak umum agar bahasa mereka dapat diketahui dan dikenali oleh penduduk lain di negara ini.

## KAJIAN PUSTAKA TERHADAP BAHASA PUNAN

Membuat satu rantaian sorotan terhadap kajian bahasa ataupun kajian sosiobudaya tentang komuniti Punan bukanlah suatu tugas mudah. Memandangkan komuniti ini awalnya hidup berpindah-randah dan tidak mempunyai petempatan kekal maka, didapati tidak banyak bahan yang pernah ditulis tentang mereka. Jika ada sekalipun, ia berupa catatan-catatan ringkas daripada pentadbir Barat yang pernah menjajah bumi Sarawak. Selepas merdeka, komuniti Punan sekali lagi kurang mendapat perhatian namun, dalam sedikitnya bahan tentang bahasa dan budaya komuniti ini masih dapat ditemukan beberapa tulisan berkaitan dengan mereka. Antaranya, tulisan pendek oleh Needham (1954) berkaitan dengan Punan Ba merupakan antara catatan awal yang memerihal kumpulan etnik ini. Makalah Needham ditulis dengan tiga tujuan, iaitu (i) untuk menjelaskan kekeliruan antara istilah Penan yang hidup secara nomadik dengan Punan Bah yang hidup menetap; (ii) untuk membezakan antara etnik Punan Bah dengan etnik Punan; dan (iii) untuk menyumbang maklumat serta pengetahuan terhadap kumpulan etnik Punan Bah. Meskipun makalah ini agak ringkas, dapat dirumuskan bahawa maklumat yang terkandung di dalamnya mampu memperjelaskan kepada masyarakat luar bahawa etnik Penan dan Punan Ba merupakan dua kumpulan etnik berbeza khususnya dari aspek sejarah dan budaya. Malah, turut dijelaskan wujudnya ikatan sejarah yang sangat panjang antara Punan Bah dengan orang Kajang di Sarawak.

Noriah Mohamed dan Rohani Mohd. Yusof (2011) berusaha meneliti pengelompokan leksikostatistik dengan menelusuri sejarah bahasa dan mengungkapkannya perkaitan bahasa berkenaan dengan bahasa lain pada zaman prasejarah; kedua, memulihkan, membina semula atau merekonstruksi bentuk bahasa induk yang dianggap memencarkan bahasa-bahasa sekerabat yang wujud sekarang; ketiga, membuat pengelompokan bahasa, yakni mengumpulkan bahasa-bahasa ke dalam kelompok khusus berdasarkan ciri-ciri linguistik yang sama dan menentukan tingkat kekerabatan antara kelompok bahasa; dan keempat, meramalkan pusat (atau pusat-pusat) penyebaran bahasa (atau bahasa-bahasa) induk dan menelusuri perpindahan

penutur bahasa induk berkenaan dari pusat (atau pusat-pusat) penyebaran berkenaan. Mereka menggunakan 25 bahasa Austronesia yang terdapat di Sarawak untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara kosa kata bahasa-bahasa berkenaan serta meninjau proses perubahan umum yang berlaku. Salah satu daripada 25 bahasa peribumi di Sarawak yang termasuk dalam pengelompokan tersebut adalah bahasa Punan Bah.

Selain itu, Noriah Mohamed (2014) juga ada menjelaskan tentang kekeliruan identiti antara orang Sihan dengan orang Punan. Diperjelaskan bahawa Sihan menyebut diri mereka sebagai Punan kerana mereka pernah mengamalkan cara hidup nomad, namun mereka telah meninggalkan cara hidup sedemikian dan membina rumah panjang mengikut jiran mereka. Keadaan itulah yang menyebabkan orang Sihan lebih suka digelar sebagai Punan tetapi bukannya Penan. Meskipun demikian, bahasa Sihan tidak sama dengan bahasa Punan atau Penan yang lain. Bahasa Sihan sering dianggap sebagai dialek bahasa Punan atau Penan. Memandangkan orang Sihan bermigrasi dari lembah Kajang maka, kumpulan itu termasuk dalam kategori etnik Kajang. Dalam makalah tersebut, Noriah (2014) berusaha untuk meneliti kognat antara bahasa Sihan dengan bahasa Melayu menggunakan kaedah bandingan leksikostatistik namun, keputusan analisis didapati memaparkan hubungan kekerabatan yang sudah agak jauh antara bahasa Sihan dan bahasa Melayu.

Satu makalah tentang hubungan antara bahasa Kenyah dan Punan telah ditulis oleh Syamsul Rijal (2016). Makalah ini memfokuskan kepada kelompok penutur bahasa Kenyah dan Punan yang terdapat di Kalimantan timur, Indonesia. Didapati kedua-dua bahasa kelompok Dayak itu memiliki persamaan dan kemiripan fonetik meskipun kedua-dua bahasa itu berbeza. Kemiripan ciri fonetik itu ditemui dalam kosa kata yang berkaitan dengan lingkungan hidup kelompok Dayak berkenaan, yakni dalam lingkungan alam yang berkaitan dengan aktiviti hutan. Oleh itu, disimpulkan bahawa antara bahasa Kenyah dan Bahasa Punan memiliki hubungan yang erat dari segi ekolinguistik.

## KAEDAH KAJIAN DAN PENDEKATAN STRUKTURAL

Tulisan ini memanfaatkan dua kaedah kajian utama, iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua kaedah ini dimanfaatkan bagi memperoleh satu hasil yang dapat lengkap dan tuntas. Beberapa kaedah (misalnya, temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian ikut serta) telah dimanfaatkan dalam usaha memperoleh data di lapangan. Semua data turut dirakam untuk memudahkan ia didengar semula. Rakaman merujuk kepada aktiviti mengumpul data leksikon budaya setempat, data penceritaan, serta data temu bual tidak berstruktur. Hasil rakaman ini menjadi data mentah terpenting bagi proses pentranskripsian bentuk fonetik. Selain itu, kiraan kognat turut dibuat untuk menentukan hubungan antara bahasa sumber dengan bahasa yang dibandingkan. Data linguistik ini seterusnya dianalisis berasaskan pendekatan Struktural.

Semua data bahasa Punan Bah dikumpulkan pada tahun 2016. Pada kunjungan pertama, pengumpulan data hanya terbatas di kampung, iaitu Kampung Punan Batu 12 ½, Bintulu. Temu bual dijalankan melalui pertanyaan leksikal demi leksikal. Penggunaan tata cara ini disebabkan tumpuan penyelidikan hanya untuk mencungkil aspek fonologi. Pada peringkat awal penyelidikan ini, dicadangkan pengumpulan data sebanyak 460 item leksikal. Daftar kata ini berasaskan daftar kata yang dipakai di Borneo oleh Collins (2004) dan rakan-rakan penyelidik beliau antaranya, Collins dan Chong Shin (2010) dan Yusriadi (2007). Daftar kata ini telah disesuaikan pula dengan kenyataan atau konteks sebenar (*reality*) di Sarawak. Namun, disebabkan keterbatasan masa, maka jumlah 460 item tersebut terpaksa dikurangkan hanya kepada 200 item. Penentuan 200 item tersebut adalah berdasarkan senarai Swadesh (yang lebih dikenali sebagai daftar kata Swadesh) yang juga telah disesuaikan. Daripada 200 perkataan yang dikutip, hanya 100 perkataan sahaja yang digunakan sebagai perbincangan dalam makalah ini. Penyesuaian tersebut dibuat mengikut senarai leksikal yang dipakai Collins dalam penyelidikan beliau, antaranya di Temerloh, Pahang (Collins, 1983a), di Hulu Terengganu (Collins, 1983b) dan di Sarawak (Collins, 1987). Seperti yang telah dinyatakan, perbincangan dalam makalah ini hanya dibataskan kepada aspek fonologi atau tatabunyi khusus untuk menentukan inventori fonem serta melihat dua ciri fonologi

yang berlaku dalam bahasa Punan daripada sumber asal bahasa Austronesia purba, iaitu ciri inovasi dan retensi pada posisi kata.

Penelitian ini adalah berlandaskan kepada pendekatan struktural. Dalam analisis data yang berkait rapat dengan bidang fonologi, pendekatan struktural diguna pakai untuk menganalisis data. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan kepada beberapa hipotesis umum yang terdapat dalam pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudiannya tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan penyebarannya (Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman, 2014).

Memandangkan setiap bahasa mempunyai identitinya sendiri maka, ia perlu dibezakan dan diketahui ciri-ciri khususnya agar sesuatu bahasa itu mudah dipelajari. Menurut Saussure (1857-1913), deskripsi pendekatan struktural adalah berasaskan ciri atau sifat khusus sesuatu bahasa itu, yakni mengetahui ciri-ciri khusus sesuatu bahasa agar mudah mempelajari bahasa berkenaan. Awasilah (2011) pula menambah bahawa pendekatan struktural itu merangkum 10 hal berikut (i) membezakan makna leksikal dengan makna struktur; (ii) nahu dilihat dalam bentuk yang sangat formal; (iii) sintaksis diteliti menerusi bentuk kata, susunan, fungsi dan intonasi; (iv) analisis meliputi fonem, dan makna sehingga struktur ayat; (v) kata-kata dikategorikan kepada fungsi dan jenis; (vi) lisan dan tulisan dibezakan; (vii) meneliti ragam bahasa; (viii) ayat diteliti secara langsung tanpa menyetepikan makna tersirat; (ix) aspek perbandingan yang terdapat dalam ayat turut dikaji; dan (x) bahasa dianggap sebagai proses stimulus-respons.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihal aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980, p. 66), analisis deskriptif terbit daripada kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar

itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudian, bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada jenis-jenisnya atas dasar persamaan ciri fonetik.

## KEKELIRUAN TENTANG ISTILAH PUNAN-PENAN

Terdapat lebih daripada 14 suku etnik Punan yang berbeza dan boleh ditemui di seluruh Pulau Borneo. Mereka terdiri daripada Punan Busang, Punan Penihing, Punan Batu, Punan Sajau, Punan Merah (Siau), Punan Aput, Punan Merap, Punan Tubu, Punan Ukit/Bukitan, Punan Habongkot, Punan Panyawung, Punan Kelay, Punan Aoheng, Punan Murung, Punan Uheng Kereho, Punan Hovongan (Radhite, 2011). Orang-orang Punan dipercayai menjadi salah satu daripada orang-orang terawal yang telah menetap di bahagian tengah Borneo, Sungai Rajang dan kawasan Balui bersama-sama dengan orang Sekapan, Kejaman dan Lahanan. Walau bagaimanapun, dipercayai berpunca daripada migrasi Kayan, diikuti oleh orang-orang Iban ke dalam kawasan Rejang dan Balui kira-kira kira-kira 200 tahun lalu, telah memaksa masyarakat Punan yang tinggal di kawasan tersebut berundur ke Kakus dan kemudiannya ke Lembangan Kemena.

Dalam konteks Sarawak, orang-orang Punan dikategorikan dalam kumpulan Orang Ulu. Bersama-sama mereka terdapat kumpulan-kumpulan etnik lain seperti Baketan, Bisaya, Buket, Kayan, Kenyah, Kajang, Kelabit, Lisum, Seping, Lun Bawang, Tagal, Sihan dan Tabun (Adat Resam Penduduk Sarawak, 1988, p. 218). Secara rasmi, Punan dimasukkan di bawah Ordinan Tafsiran Sarawak, Perkara 161A. Sebahagian daripada Punan telah menetap dalam rumah yang berstruktur kukuh namun, masih terdapat juga dalam kalangan mereka yang hidup secara nomadik. Terdapat juga orang-orang Punan yang menetap di kawasan Suai, Tutoh, Balui, Long Pelutan dan Long Melaka di Telang Usan. Orang-orang Punan juga boleh ditemui di sekitar kawasan Pandan, Jelalong dan Kakus di Bintulu; sepanjang Sungai Rajang, rumah panjang di sepanjang kawasan daerah Merit hingga ke Belaga.



Istilah Punan atau Penan merupakan variasi cara penyebutan nama kelompok ini oleh ahli-ahli dalam kelompok dan di luar kelompok. Misalnya, orang Penan menyebut etnik mereka sebagai [Pe-nan] sedangkan etnik luar seperti Kayan memanggil mereka sebagai [Pu-nan]. Istilah Punan atau Penan telah diwartakan dengan kod 1010 oleh Jabatan Pendaftaran Malaysia pada tahun 1990-an. Pengisytiharan itu memperlihatkan etimologi 'Punan' telah menimbulkan kekeliruan penggunaannya di Malaysia. Kekeliruan terhadap etimologi itu sebahagiannya berpunca daripada cara istilah itu digunakan oleh orang Kayan dan Kenyah di Sarawak yang dirujuk kepada pemburu-pengumpul (*hunter-gatherers*) dan juga kepada kumpulan-kumpulan petani Punan. Sebenarnya, kedua-dua kumpulan komuniti itu adalah daripada dua kumpulan berbeza.

Charles Hose (1912), salah seorang pentadbir rasmi dalam pentadbiran Brooke berhadapan dengan kesukaran untuk menjelaskan tentang kompleksnya isu etnisiti di Borneo (Rousseau, 1975; Metcalf, 2010). Menurut Jehom (1999), pada awal pentadbiran Brooke, para pentadbirnya sekadar berusaha untuk menamakan setiap kumpulan etnik, dan mereka tidak bertujuan untuk mengenal pasti mereka secara terperinci. Contohnya, etimologi 'Klemantan' yang berasal daripada perkataan Melayu 'Kalimantan, Kalamantan atau Klemantan' (Haddon, 1901, p. 321, Hose & McDougall, 1912) turut menimbulkan kekeliruan. Hose dan McDougall mencadangkan agar istilah 'Klemantan' dirujuk juga kepada kumpulan-kumpulan kecil seperti Punan, Sekapan, Kejaman, Berawan dan kumpulan etnik lain yang tidak dapat dikategorikan oleh mereka ketika itu. Justeru, ditegaskan hal sedemikian terjadi kerana para pentadbir Brooke ketika itu tidak mampu mengenal pasti kumpulan-kumpulan etnik berkenaan secara jelas kerana mereka dianggap tidak berbudaya, tidak secara nyata mempunyai kegiatan sosial, sejarah dan geografi (Rousseau, 1975, p. 33). Masalah kekeliruan tersebut juga disumbang oleh fakta yang diputarbelitkan kerana wujudnya kepentingan berbeza terhadap orang Penan dan kumpulan nomadik Punan Aput dan orang Busang di Ulu Sungai Rejang dan Sungai Baram, yang secara tidak jelas telah merujuk juga Punan sebagai kumpulan sama dengan kelompok petani di Kakus, Pandan, Jelalong dan Sungai Ba yang akhirnya menyebabkan kekeliruan dan salah tanggapan terhadap orang Punan Bah yang turut dianggap sebagai nomad juga (lihat Sellato, 1993).

Bermula pada 1950, terdapat beberapa penulis yang berusaha untuk menjelaskan makna ‘Punan’ antaranya Tom Harrison (1949), Rodney Needham (1954; 1955), Ian Urquhart (1951; 1955), Rousseau (1975), Langub (1975) dan Johannes Nicolaisen (1976). Pada tahun 1952, Needham yang memerhati orang Penan Baram telah menyusur ke ulu Sungai Kemena untuk menemui dua orang ketua orang Punan Berasap di Pandan yang kemudiannya menyebabkan beliau telah mudik ke ulu Sungai Jelalong untuk menemui seorang lagi ketua orang Punan, iaitu Adi. Hasil kerja Needham (1954, p. 73) terhadap orang ‘Penan dan Punan’ secara khusus diharap mampu menyelesaikan beberapa masalah ketidakseragaman pengklasifikasian terhadap kumpulan yang dikenali sebagai Punan. Menurut Needham, istilah Punan hanya boleh digunakan terhadap tiga kumpulan, iaitu Punan Bah [ba’], Punan Aput dan Punan Busang. Walau bagaimanapun, Punan Bah memiliki perbezaan dari segi bahasa dan organisasi sosial berbanding dua mantan kumpulan pemburu-pengumpul itu. Needham (*op cit.* 1955, p. 24) memilih menggunakan istilah ‘Punan Bah [Ba’]’ untuk membezakan mereka daripada kumpulan nomadik Punan. Needham juga secara khusus mengidentifikasikan Penan ke dalam dua kumpulan berbeza, iaitu Penan timur dan Penan barat, yakni secara asas menjawab persoalan kekeliruan istilah Punan-Penan.

Pada tahun 1973, seorang pelajar pascasiswazah dari Denmark, Ida Nicolaisen dan suaminya Johannes Nicolaisen telah ke Sarawak untuk mengkaji orang Punan. Kajian yang dijalankan lebih 10 tahun (1973–2006) itu merupakan antara kajian ekstensif terhadap orang Punan yang meliputi setiap aspek hidup sosial, ekonomi dan politik mereka. Malangnya, ruang lingkup kajian itu hanya difokuskan kepada situasi semasa. Kerajaan Sarawak pada ketika itu pula telah memasukkan Punan sebagai sebahagian daripada kumpulan Kajang, yakni bersama-sama di dalam kumpulan itu adalah orang Sekapan, Kejaman, Lahanan, Kanowit, Sihan dan Tanjung (Rousseau, 1975; Nicolaisen, 1976). Kemudiannya, pada tahun 2005, di bawah klasifikasi Masyarakat Peribumi orang Sihan telah diklasifikasikan semula sebagai kumpulan etnik berasingan, yakni berdiri sendiri. Namun, untuk orang Punan Busang dan Punan Aput mereka diklasifikasi sebagai Penan. Dengan pewartaan oleh Jabatan Pendaftaran Sarawak itu, maka kekeliruan terhadap istilah Punan-Penan dapat diselesaikan.

## PUNAN BAH [BA']

Orang-orang Kenyah memanggil mereka sebagai Penan, manakala orang-orang Kayan pula mengenali mereka sebagai Punan (Langub, 1989). Punan atau Penan telah lama dirujuk sebagai kumpulan etnik pemburu-pengumpul (*hunter-gatherer*) oleh kumpulan-kumpulan etnik lain di Borneo (Sercombe & Sellato, 2007). Needham (1953) turut menegaskan bahawa terdapat tiga kumpulan pemburu-pengumpul berbeza, iaitu Penan, Punan dan Punan Bah. Menurut Sercombe dan Sellato (2007), etnik pemburu-pengumpul merujuk kepada kumpulan orang-orang yang bergantung kepada aktiviti memburu binatang liar dan mengumpul tumbuhan liar serta menangkap ikan. Kumpulan orang ini tidak mempunyai latar kemahiran bertani namun, mereka adalah kumpulan pemburu yang sangat mahir. Orang-orang Penan dibahagikan kepada dua kumpulan pula, yakni Penan timur dan Penan barat. Penan timur menduduki kawasan timur Sungai Baram-Tutoh, Patah, Apoh, ulu Akah, Selaan, Selungo, ulu Limbang dan ulu Sungai Baram. Sedangkan orang Penan barat pula mendiami kawasan Balui, Silat serta kawasan anak Sungai Baram, iaitu daerah Belaga dan Sungai Silat serta di kawasan tadahan air Long Belina, Long Tikan, Long Bo Pumu, Long Jekitan dan Long Beku (Brosius, 1992).

Istilah Penan dan Punan cenderung dikategorikan dalam kumpulan pelbagai etnik lain. Malah Needham (2007) di Borneo, etnik Penan dibahagikan kepada pelbagai kumpulan dan mereka mempunyai budaya dan bahasa berbeza. Terdapat kekeliruan terhadap istilah itu sendiri. Langub (1989) menjelaskan bahawa penulis-penulis awal seperti Hose dan McDougall, Harrison menggunakan istilah Penan dan Punan secara bersaling ganti dan sewenang-wenang yang menyebabkan akhirnya timbul kekeliruan kepada pengkaji sekarang. Di Kalimantan Barat, mereka dikenali sebagai Punan sedangkan di Sarawak mereka dipanggil sebagai Penan.

Punan Bah [Ba'] merupakan kumpulan etnik kecil Kajang (de Martinour, 1974; Nicolaisen, 1976 & Langub, 1989). Bahasa Punan Bah [Ba'] mempunyai kaitan dengan bahasa Sekapan, Kejaman dan Lahanan. Nama mereka berpunca daripada dua sungai di sepanjang tebing yang telah diami oleh mereka sejak zaman berzaman. Nicolaisen (1976) membuktikan

orang Punan dari Long Bah (Punan Bah), Punan Biau, Punan Sama, Punan Kakus, Punan Pedan dan Punan Jelalong adalah berasal daripada warisan Punan Bah [Ba’]. Kebanyakan generasi lama (*linou mongo*) menggelar diri mereka sebagai Punan Bah [Ba’].

Punan Bah [Ba’] tidak pernah menjadi pengembara atau hidup secara nomadik (Needham 1955a, Langub, 1975; Nicolaisen, 1976) meskipun Bernard Sellato (1993) mempunyai pendapat berbeza berkait dengan kenyataan itu. Orang-orang Punan juga sama seperti orang Kayan dan Iban yang merupakan penanam padi pindah yang mana kawasan taninya berada di sepanjang Sungai Rejang, yakni dari Pelagus ke Bungan (Nicolaisen, 1976; Rousseau, 1988). Sumber hidup mereka adalah cara hidup ekonomi yang bercampur-campur. Daripada pertanian dengan padi bukit sebagai tanaman utama, ditambah dengan pelbagai tumbuhan tropika seperti ubi kayu, keladi, tebu, tembakau, memburu babi liar, memancing, dan mengumpulkan sumber-sumber hutan merupakan punca kegiatan ekonomi mereka.

Seorang ketua etnik Punan Bah [Ba’] menjelaskan tentang legenda dan punca kepupusan kelompoknya.

“...Orang Punan Tunggal merupakan masyarakat primitif yang hidup seperti babi liar dan mereka tidak mempunyai kaitan dengan kami. Kami (Punan Ba’) berasal dari Sungai Ba’ dan tersebar sepanjang Sungai Rejang, Tatau dan Tubau. Kami adalah bangsa yang sangat ‘tua’ dan bermartabat lebih tinggi (superior) berbanding orang Kayan. Ia dibuktikan dengan kecantikan ukiran kayu klireng dari Ulu Ba’ yang diukir oleh lebih 500 orang pada ketika itu. Ketika itu kami mempunyai makanan (beras) yang cukup dan mempunyai tokoh-tokoh yang berjaya.”

(dipetik daripada Needham, 1954, p. 28)

Orang Punan Bah [Ba’] mempunyai tradisi pengebumian yang unik. Apabila terdapat anggota masyarakat yang meninggal dunia, mayat akan disimpan di rumah panjang selama tujuh hari. Sepanjang tempoh tersebut, ritual kematian akan dilaksanakan selain memberi tempoh kepada sanak saudara yang jauh untuk menziarahi dan memberi penghormatan akhir kepada si mati. Orang-orang Punan Bah [Ba’] juga akan menyediakan

tiang klireng setinggi 50 meter sebagai tempat menyimpan jenazah si mati dan tiang klireng ini merupakan kubur tradisi kepada orang-orang punan Bah (Baʼ).

## PERBINCANGAN

Dalam penelitian ini, data dipecahkan kepada dua, iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993, p. 220), transkripsi fonetik adalah penting kerana ia dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya atau tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi vokal dan konsonan di semua posisi kata sama ada pada awal, tengah atau pada akhir kata akan dipaparkan. Hasil penelitian ini mendapati bahasa berkenaan mempunyai 16 fonem konsonan /p, b, t, d, k, g, ʔ, j, s, m, n, ŋ, r, l, w, y/ dan 5 fonem vokal /i, u, o, a, ə/. Ia dapat diteliti sebagaimana jadual-jadual di bawah ini.

**Jadual 1** Inventori fonem vokal

	depan	tengah	belakang
Tinggi	i		u
Separuh Tinggi		ə	o
Separuh Rendah		a	
Rendah			

**Jadual 2** Inventori fonem konsonan

Daerah sebutan	Dua bibir	Gigi gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Pita suara
Letupan/plosif	p b	t d		k g	ʔ
Geseran/frikatif		s			
Sengau/nasal	m	n		ŋ	
Getaran/trill		r			
Sisian/lateral		l			
Separuh vokal	w y		j		

**Jadual 3** Penyebaran vokal pada posisi kata

Jenis vokal	Penyebaran vokal pada posisi kata					
	awal	makna	tengah	makna	akhir	makna
/i/	iyah	dia	silum	rupa	atai	hati
/u/	uleo	kita	bulun	bulu	ujun	mulut
/o/	ovou	panjang	bok	rambut	ilo	telur
/ə/	-	-	redo	perempuan	se	siapa
/a/	au	anjing	yap	ayam	ipa	kulit

Jadual 3 memperlihatkan penyebaran fonem konsonan di semua posisi kata kecuali bagi fonem fonem /ə/ yang tidak terdapat di posisi awal.

**Jadual 4** Penyebaran konsonan letupan pada posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan letupan pada posisi kata					
	awal	makna	tengah	makna	belakang	makna
/p/	padeng	hitam	kepu	angin	ngetop	potong
/b/	ba	air	mebeng	putih	-	-
/t/	ta	hujan	maten	mata	na'at	lihat
/d/	do'un	daun	pade	adik	-	-
/k/	kelingen	telinga	akeu	saya	bok	rambut
/g/	gupun	tambah	banget	laut	putung	bakar
/ʔ/	-	-	ja'aw	besar	-	-

Jadual 4 memperlihatkan penyebaran fonem konsonan di semua posisi kata kecuali bagi fonem /b/ dan /d/ yang tidak terdapat di posisi akhir kata serta, fonem /ʔ/ yang tidak terdapat di posisi awal dan akhir kata.

**Jadual 5** Penyebaran konsonan nasal pada posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan nasal pada posisi kata					
	awal	makna	tengah	makna	belakang	makna
/m/	matai	mati	sumui	jauh	jam	tahu
/n/	notong	benar	pana	panas	genin	sejuk
/ŋ/	ngau	tangkap	kelenge	cermin	mueng	kering

Jadual 5 memperlihatkan penyebaran konsonan nasal pada semua posisi kata dalam bahasa Punan Bah.

**Jadual 6** Penyebaran konsonan geseran, getaran dan separuh vokal pada posisi kata

Jenis konsonan	Penyebaran konsonan geseran; getaran dan separuh vokal pada posisi kata					
	awal	makna	tengah	makna	belakang	makna
/s/	silum	rupa	laseh	bulan	-	-
/h/	-	-	bahat	berat	iyah	dia
/l/	lamin	rumah	bilak	pecah	-	-
/r/	rong	hidung	dirah	mereka	-	-
/j/	jipen	gigi	-	-	-	-
/w/	-	-	powi	kabus	basuow	ikan
/y/	-	-	payro	sakit	-	-

Bahasa Punan Bah turut memperlihatkan kehadiran rangkap vokal yang dapat diperhatikan melalui jadual 7.

**Jadual 7** Rangkap vokal

Vokal Rangkap	Struktur urutan vokal	Punan Bah	makna
depan-belakang	/i/ + /o/	ilo	telur
tengah-belakang	/a/ + /u/	au	anjing
belakang-tengah	/u/ + /a/	uva	baru
rendah-depan	/a/ + /i/	atai	hati

Selain itu, penentuan salasilah bahasa serumpun harus didasarkan pada ciri-ciri khas yang terdapat antara dua atau lebih bahasa. Jadi dalam hal ini, kita perlu melihat daripada aspek linguistik sejarah perbandingan yang menjelaskan bahawa suatu retensi atau pengekalannya bukanlah ciri khas tetapi milik umum untuk seluruh rumpun kerana retensi diturunkan daripada bahasa purba sedangkan, perubahan atau inovasi terjadi semasa bahasa purba itu berkembang menjadi berbagai-bagai bahasa. Justeru, faktor inovasi yang penting dalam pengelompokan bahasa serumpun, iaitu usaha menyusur galur salasilah bahasa serumpun (Blust, 1986, p.14).

Dengan mengandaikan kesesalan bahasa yang tergolong dalam satu rumpun, yakni bahasa-bahasa yang berkerabat diturunkan oleh sumber yang sama untuk mengetahui kesesalan dan kekerabatan sesuatu bahasa dengan bahasa lain, kaedah perbandingan boleh digunakan. Kaedah ini membolehkan seseorang penyelidik merekonstruksi unsur inti sesuatu bahasa kuno yang menurunkan bahasa-bahasa kerabatnya melalui perubahan

bunyi, makna dan tatabahasa. Melalui kaedah ini juga dapat dilihat ciri inovasi dan retensi yang berlaku dalam sesuatu bahasa. Kedua-dua unsur ini memainkan peranan utama di dalam rekonstruksi bahasa kuno serta pengelompokan bahasa serumpun.

Jadual berikut memaparkan sistem asas penomboran dalam bahasa Punan Bah [Ba'] yang dibandingkan dengan bahasa Austronesia Purba (\*BAP), bahasa Ma'ayan (bahasa di tengah Borneo), bahasa Iban, Kayan, Kenyah dan Punan Hovongan.

**Jadual 8** Perbandingan sistem penomboran asas

*BAP	Ma'ayan	Iban	Kayan	Kenyah	Punan Bah [Ba']	Punan Hovongan	Glos
*'isa'	isa	satu	ji	ca	jah	cik	satu
*dusa	rueh	dua	duak	dua	duah	duo	dua
*telu	telu	tiga	telok	telu	telou	tou	tiga
*mpat	epat	empat	pat	pat	pat	pat	empat
*lima	dime	lima?	limak	lema	lemah	dimo	lima
*enem	enem	enam	nem	nem	nem	nom	enam
*pitu'	pitu	tujuh	tusu	tujuk	tuju	tuco	tujuh
*walu/h	walu	lapan	sayak	aya	ayah	hean	lapan
*siyam	suey	semilan	pitan	pi'en	pi'en	ti'an	sembilan
*sa-puluq	sapuluh	sepuluh	pulu	pukul	polo	pu	sepuluh

Berdasarkan jadual sistem penomboran asas di atas, didapati bahasa Punan Bah dekat dengan bahasa Kenyah dan bahasa Kayan berbanding bahasa Punan Hovongan.

Berikut merupakan contoh proses retensi yang berlaku dalam bahasa Punan Bah [Ba'] yang dibandingkan dengan bahasa Austronesia Purba (\*BAP) dan tiga bahasa lain, iaitu bahasa Maayan, Iban dan Kenyah. Dalam dialek Pahang contohnya, vokal tinggi bahasa Malayik Purba \*i dan \*u muncul dalam dua bentuk (Mohd Tarmizi, 2012). Pertama, MP \*i > [i] dan [e]. Kedua, MP \*u > [u] dan [o]. Berhubung gejala ini, kemunculan vokal MP \*i dan \*u sebagai [i] dan [u] dikenali sebagai retensi; manakala kemunculannya sebagai [e] dan [o] adalah inovasi, yakni jikalau mengikut istilah Asmah (1992), dikatakan sebagai “pemecahan fonemik” vokal purba tersebut dalam dialek Pahang. Dalam bahasa Punan Bah pula diperlihatkan



gejala retensi \*i > [i] dan [e] sebagaimana yang terlihat melalui contoh \*kilat - kelalat; \*nipi - penupei dan \*tuqelan - toleng. Kewujudan ciri inovasi dan retensi dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa membolehkan pengerjaan satu lagi tujuan ilmu linguistik perbandingan sejarawi, iaitu pengelompokan/klasifikasi (Collins, 1986). Secara longgarnya pengelompokan bererti mengelompokkan bahasa atau dialek ke dalam kelompok tertentu berdasarkan perkongsian persamaan dan perbezaan ciri linguistiknya (Hock, 1986). Sesebuah bahasa atau dialek yang memperlihatkan inovasi bermaksud bahasa atau dialek berkenaan terpisah daripada bahasa atau dialek lain yang diturunkan daripada induk atau sumber yang sama.

**Jadual 9** Proses retensi dalam bahasa Punan Bah

*BAP	Maayan	Iban	Kenyah	Punan Bah [Ba']	Glos
*kilat	kelat	kilat	bekelet/bekilet	kelalat	kilat
*tanaq	tane	tanah	tanak	tanak	tanah
*tunu	nutung	tunu	nutung	putung	bakar
*daqan	ra'an	d:an	daan	da'an	dahan
*matey	matei	parai	matai	matai	mati
*beregat	maweat	berat	baat	bahat	berat
*najan	ngaran	nama	ngadan	Ngaro	nama
*nipi	nganupi	mimpi	tekupi	penupei	mimpi
*anak	anak	anak	anak	anak	anak
*batu	watu	batu	batu	batu	batu
*ia	hanye	iya	iya/ia	iyah	dia

Proses di bawah ini pula merupakan proses invosi yang memaparkan perubahan yang berlaku dalam bahasa Punan Bah [Ba']. Inovasi bagi fonem \*q menjadi /k/ di akhir kata, membentuk rumus \*q>k/ \_\_\_# sebagaimana contoh yang dapat dilihat melalui jadual 10.

**Jadual 10** Proses inovasi dalam bahasa Punan Bah

*BAP	Punan Bah	Glos
*babaq	dibak	pendek
*dilaq	jelak	lidah
*tanaq	tanak	tanah
*pecaq	bilak	pecah

Berasaskan kutipan 100 patah kosa kata dasar dalam bahasa Punan Bah dan perbandingan leksikostatistik, maka persamaan dan perbezaan antara bahasa Punan Bah dengan bahasa Melayu serta bahasa Austronesia Purba (BAP) dipaparkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Perbandingan 100 kosa kata dasar bahasa Punan Bah dengan bahasa Melayu dan bahasa Austronesia Purba (BAP)

Bil	Sebutan		Taraf Kognat bahasa Melayu-Punan Bah	Bahasa Austronesia Purba (BAP)	Taraf Kognat BAP-Punan Bah
	Bahasa Melayu	Punan Bah [Ba']			
1					
2	saya	akeu	-	*aku	+
3	dia	iyah	-	*ia'	+
4	kita	uleo	-	*kita'	-
5	kamu	ka'au	-	*kamu'	+
6	mereka	dirah	-	*tida	-
7	semua	ketem lo'ong	-	*amin	-
8	hitam	padeng	-	*qitem	-
9	merah	bala	-	*mairaq	-
10	putih	mebeng	-	*putiq	-
11	abang	pade	-	*abang	-
12	adik	pade	-	*tari	-
13	emak	e'e	-	*ina	-
14	kaki	gem	-	*paha	-
15	rupa	silum	-	*paras	-
16	hati	atai	+	*qatey	+
17	kulit	ipa	-	*kulit	-
18	perut	bore	-	*kengpung	-
19	bahu	pesun	-	*bara	-
20	bulu	bulun	+	*bulu	+
21	mulut	ujun	-	*basaq	-
22	rambut	bok	-	*busek	+
23	lidah	jelak	-	*dilaq	+
24	mata	maten	+	*mata	+
25	usus	betuken	-	*tinaqi	-
26	tulang	Toleng	+	*tuqelan	+
27	hidung	Rong	+	*ijusung	-
28	gigi	Jipen	+	*ipen	+
29	kuku	Silun	-	*kuku	-
30	telinga	kelingen	-	*talinga	-
31	belakang	bolet	-	*likud	-
32	buah dada	etek	+	*susu	+

33	air	Ba	-		*wasir	-
34	hutan	tanak lalun	tolak (kata majmuk)		*qutan	-
35	hujan	Ta	-		*quzan	-
36	awan	avun	-		*rabun	-
37	angin	kepu	-		*hangin	-
38	asap	tugun	-		*hatap	-
39	kabus	powi	-		*kabut	-
40	kilat	kelalat	-		*kilat	-
41	tanah	tanak	+		*tanaq	+
42	laut	banget	-		*tasik	-
43	bintang	batu'en	-		*bituqen	+
44	bulan	laseh	-		*bulan	-
45	tasik	bawang	-		*danaw	-
46	daun	do'un	+		*dasun	+
47	malam	merem	+		*alem	+
48	batu	batu	+		*batu	+
49	lihat	na'at	-		*kita	-
50	bunuh	mengovo	-		*bunuq	-
51	dengar	meneng	-		*dener	-
52	berenang	pelangui	-		*languy	+
53	tambah	gupun	-		*tambah	-
54	ketawa	malak	-		*tawa	-
55	datang	lomok	-		*teka	-
56	potong	mengetop	-		*tektek	-
57	bakar	putung	-		*tunu	-
58	tiup	musuk	-		*siup	-
59	tangkap	ngau	-		*taban	-
60	kering	mueng	-		*rangaw	-
61	besar	ja'aw	-		*raya	-
62	baru	uva	-		*baqeru	-
63	sakit	payro	-		*sakit	-
64	takut	Bu'ut	-		*takut	-
65	dekat	De'kin	-		*hanpir	-
66	tahu	jam	-		*taqu	-
67	mati	matai	+		*matey	+
68	gemuk	lemek	+		*menyak	-
69	jatuh	blavu	-		*nabuq	+
70	buta	pesok	-		*buta	-
71	kecil	si'it	-		*dikiq	-
72	sejuk	genin	-		*dingding	-
73	panjang	ovou	-		*anuduq	-
74	pendek	dibak	-		*babaq	-
75	benar	notong	-		*bener	-
76	berat	bahat	+		*bereqat	+

77	sempit	isut	-		*kepit	-
78	jahat	sa'at	-		*zaqat	-
79	jauh	sumui	-		*zauq	-
80	kurus	mago	-		*nipit	-
81	panas	pana	-		*panas	+
82	pecah	bilak	-		*pecaq	-
83	pisang	melawan	-		*pitag	-
84	telur	ilo	-		*qatelur	-
85	pasir	moku	-		*qenay	-
86	di dalam	ta'lalom	-		*qi dalem	-
87	cermin	kelenge	-		*kalemin	-
88	kiri	sekabeng	-		*kawiri	-
89	bagaimana	kinou	-		*kua	-
90	apa	inou	-		*apa	-
91	anjing	au	-		*asu	+
92	darah	da	-		*daraq	-
93	lubang	luwang	+		*lubang	+
94	ayam	yap	-		*manuk	-
95	nama	ngaro	-		*najan	-
96	mimpi	penupei	-		*nipi	+
97	tua	tokan	-		*tuqah	-
98	di mana	tong semah	tolak (kata majmuk)		*inu	-
99	bapa	tamen	-		*ama	-
100	anak	anak	+		*anak	+

Dengan menggunakan kosa kata dasar sebagai titik tolak, kaedah leksikostatistik dilaksanakan menerusi beberapa langkah. Kaedah ini dimulakan dengan mengumpul kosa kata dasar bahasa yang dibandingkan. Kemudian, senarai kosa kata dasar dibandingkan dengan bahasa sumber secara berpasangan. Analisis bermula dengan penyisihan kosa kata yang tidak boleh diambil kira dan penentuan kata yang berkognat. Selepas jumlah kata berkognat ditentukan jumlah kata bersanak pula ditentukan. Dalam hal ini, untuk mendapatkan peratus kata bersanak maka, jumlah kata berkognat harus dibahagikan dengan jumlah kata yang dibandingkan, yakni selepas ditolak kosa kata yang tidak boleh diambil kira (Norah Mohamed & Rohani Mohd Yusof, 2011). Untuk mendapatkan peratus kata yang berkerabat antara dua bahasa yang dibandingkan, jumlah kosa kata berkognat dibahagikan dengan jumlah kata dibandingkan, yakni jumlah kata selepas ditolak kata yang tidak diperlukan.

- A. Kognat antara bahasa Melayu - Punan Bah  
Jumlah kosa kata yang ditolak - 2  
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100-2) - 98  
Jumlah kata berkognat - 16  
Peratus kosa kata berkognat -  $(16/98) - 16.3\%$

Berdasarkan perbandingan di atas, didapati bahawa hubungan bahasa Punan Bah [Ba'] dengan bahasa Melayu tidaklah begitu rapat seperti hubungan antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu. Daripada 100 perkataan yang dibandingkan, hanya 16 perkataan yang menyamai bahasa Melayu dan dari segi peratusan hanya sekitar 16.3 peratus sahaja.

- B. Kognat antara Bahasa Austronesia Purba-Punan Bah  
Jumlah kosa kata yang ditolak - 2  
Jumlah kosa kata yang dibandingkan (100-2) - 98  
Jumlah kosa kata berkognat - 25  
Peratus kosa kata berkognat -  $(25/98) - 25.5\%$

Dalam konteks hubungan antara bahasa Punan Bah [Ba'] dengan bahasa Austronesia Purba (BAP) pula, daripada 100 perkataan yang dibandingkan, hanya 25 perkataan yang menyamai BAP dan dari segi peratusan hanya sekitar 25.5 peratus sahaja yang memperlihatkan persamaan. Justeru, dapat dibuat kesimpulan bahawa antara bahasa Punan Bah dengan bahasa Melayu tidak menunjukkan hubungan bahasa yang dekat berbanding dengan Punan Bah dengan BAP. Perbezaan saling memahami yang kurang antara kedua-dua bahasa berkenaan berkemungkinan disebabkan kurangnya kontak antara penutur bahasa Punan Bah dengan penutur bahasa Melayu dan bahasa itu juga bukan dalam rumpun bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Iban. Namun, untuk konteks BAP masih diperlihatkan hubungan bersifat rumpun kerana bahasa Punan Bah juga tergolong dalam rumpun besar bahasa Austronesia Purba.

## KESIMPULAN

Inovasi dan retensi adalah dua konsep penting dalam linguistik perbandingan sejarawi. Inovasi merujuk kepada perubahan sesuatu ciri

bahasa purba dalam bahasa atau dialek semasa manakala, retensi pula adalah pengekalannya sesuatu ciri bahasa purba dalam bahasa atau dialek semasa. Bertolak daripada kedua-dua konsep tersebut maka, dirumuskan bahawa bahasa Punan Bah merupakan salah satu bahasa yang telah banyak menerima masukan daripada kumpulan-kumpulan etnik yang berjiran dengan mereka. Justeru, kajian lanjutan terhadap bahasa Punan Bah perlu diteruskan dengan meneliti aspek-aspek linguistik lain dalam bahasa berkenaan. Penelitian lanjutan berkaitan dengan bahasa ini perlu diteruskan agar maklumat tentang orang-orang Punan Bah di Sarawak tidak dikelirukan dengan Punan atau Penan di wilayah lain dalam Borneo, selain untuk maksud pendokumentasian dan pemeliharaan terhadap bahasa Punan Bah yang ketika ini turut mengalami masukan pinjaman daripada bahasa Melayu. Penelitian yang sangat dini ini telah menemukan inventori fonem dalam bahasa Punan Bah sebagaimana berikut, yakni memiliki 21 fonem, iaitu 16 fonem konsonan dan 5 fonem vokal.

Makalah ini terhasil daripada dana Kementerian Pengajian Tinggi (FRGS/1/2015/SSI01/UKM/02/8) bertajuk Menerokai Konsep Baru “Masuk Melayu” Melalui Etnolinguistik Suku Penan Muslim dan Melayu-Melanau di Sarawak.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik am untuk guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Adat Resam Penduduk Sarawak*. (1988). Kuching: See Hua Daily New Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (1992). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awasilah, A. Chaedar. (2011). *Linguistik: Suatu pengantar*. Bandung: Angkasa.
- Blust, Robert. A. (1986). *Penyusunan salasilah bahasa di Malaysia*. Terjemahan. Bangi: Penerbit UKM.
- Brosius, J. P. (1992). The axiological presence of death: Penan Gang Death-Names. (2 Volumes) Doctoral Dissertation, Department of Anthropology, University of Michigan: Michigan.
- Collins, J. T. (1986). Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi Bahasa Melayu purba. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5, 369–383.
- Collins, J. T. (2004). Ibanic languages in Kalimantan Barat, Indonesia: Exploring nomenclature, distribution and characteristics. *Borneo Research Bulletin*, 35, 17–47.

- Collins, J. T., & Chong Shin. (2010). *Bahasa di Selat Makassar dan Samudera Pasifik*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Fatimah Djajasudarma. (2006). *Metode penelitian linguistik: Ancangan metode penelitian dan kajian*. Bandung: Refika Aditama.
- Haddon, A.C. (1901). *Headhunter black, white and brown*. London: Methuen.
- Harrison, T. (1949). Notes on some nomadic Punans. *Sarawak Museum Journal*, 6 (5), 130–148.
- Hock, H. Henrich. (1986). *Principle of historical linguistics*. Berlin: Mouton de Gruyter.
- Hose, C., & William, M. (1912). *The Pagan Tribes of Borneo: a description of their physical, moral and intellectual condition with some discussion of their ethnic relations, 1*. London: Macmillan & Co.
- Jehom, W. J. (1999). Ethnicity and ethnic identity in Sarawak. *Akademika*, 55, 83–98
- Langub, J. (1975). Distribution of Penan dan Punan in the Belaga District. *Borneo Research Bulletin*, 7 (2), 45–48.
- Langub, J. (1989). Some aspects of life of the Penan. *Sarawak Museum Journal*, Special Issue no. 4, Part III, 40 (61), 169–184.
- Mackenzie, I. (2015). Dictionary of Eastern Penan. [www.rimba.com](http://www.rimba.com)
- Mahsun. (2010). *Genolinguistik: Kolaborasi Linguistik dengan genetika dalam pengelompokan bahasa dan populasi penuturnya*. Yogyakarta: Pustaka.
- Mahsuna. (2007). *Metode penelitian bahasa: Tahapan strategi, metode, dan teknik*. Edisi Revisi. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Metcalf, P. (2010). *The life of the longhouse: An archaeology of ethnicity*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohd Tarmizi, Rahim Aman & Shahidi, A. H. (2012). Variasi dialek Pahang: Keterpisahan berasaskan aliran sungai. *Jurnal Melayu*, 5, 315–332.
- Nicolaisen, I. (1976). Form and function of Punan bah ethno-historical tradition. *Sarawak Museum Journal*, 24 (45), 63–95.
- Nicolaisen, J. (1976). The Penan of the seventh division of Sarawak: Past, present and future. *Sarawak Museum Journal*, 24 (45), 35–61.
- Needham, R. (1953). The social organisation of the Penan: A Southeast Adia People. DPhil Thesis. Oxford University.
- Needham, R. (1954). Penan and Punan. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 27 (1), 173–183.
- Needham, Rodney. (1955). Punan Ba. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 28 (1), 124–136
- Norfazila Ab. Hamid & Rahim Aman. (2014). Menentukan Inventori Fonem Varian Melanau Oya Dengan Menggunakan Pendekatan Struktural. Kertas kerja *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015)*. 20–21 Januari 2015. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2014). Kaedah leksikostatistik dalam perbandingan kosa kata dasar bahasa Sihan dengan bahasa Melayu. Dlm. Noriah Mohamed & Radiah Yusoff (Eds.). *Pendekatan kontrasitif dan komparatif bahasa-bahasa di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Rahim Aman. (2006). *Perbandingan fonologi dan morfologi bahasa Iban, Kantuk dan Mualang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radhite. (2011). Mengenal kehidupan suku Dayak Punan (Suku primitif asal Kalimantan). Dilayari daripada [www.apakabardunia.com](http://www.apakabardunia.com) pada 03-01-2016.
- Rousseau, J. (1975). Ethnic identity and social relations in central Borneo. In. Judith A. Nagata (Ed.). *Pluralisme in Malaysia: Myth and reality*. Leiden: E. J. Brill.
- Rousseau, J. (1988). Central Borneo: A bibliography. Special Monograph. *Sarawak Museum Journal*, 38(59), 1–274.
- Samarin, William J. (1993). *Linguistik lapangan: Panduan kerja lapangan linguistik*. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sellato, B. (1993). The Punan question and the reconstruction of Borneo's culture history. In. Sutlive, Jr., Vinson. H. (Ed.). *Change and development in Borneo*. Kuching: Borneo Research Council.
- Sercombe, P., & Benard, S. (2007). *Beyond the green myth: Borneo's hunter gatherers in the twenty-first century*. Copenhagen: NIAS Press.
- Syamsul Rijal. (2016). Hubungan bahasa Dayak Kenyah dan bahasa Dayak Punan: Analisis ekolinguistik dialektikal. *Seminar Nasional Bahasa Ibu IX: Strategi Pencegahan Kepunahan Bahasa-bahasa Lokal sebagai Warisan Budaya Bangsa*. Universiti Udayana, Denpasar, Bali. 26–27 Februari 2016.
- Urquhart, I. A. N. (1951). Some notes on jungle Punans in Kapit District. *Sarawak Museum Journal*, 5 (3), 495–533.
- Urquhart, I.A.N. (1955). Some interior dialects. *Sarawak Museum Journal*, 6 (5), 192–204.
- Yusriadi. (2007). *Dialek Melayu Ulu Kapuas Kalimantan Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Temu Bual

- Wawancara bersama Pn. Dewi binti Sani, pada 18 Julai 2016, di Kampung Punan, Batu 12½, Bintulu, Sarawak.
- Wawancara bersama Pn. Hasanah binti Rambli, pada 18 Julai 2016, di Kampung Punan, Batu 12½, Bintulu, Sarawak.
- Wawancara bersama Pn. Muni binti Rambli, pada 18 Julai 2016, di Kampung Punan, Batu 12½, Bintulu, Sarawak.
- Wawancara bersama Pn. Siti binti Rambli, pada 18 Julai 2016, di Kampung Punan, Batu 12½, Bintulu, Sarawak.